

D.R. 14/97

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 25 Oktober 1996 dan hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1997 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

2. Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen 2(1)— Pindaan seksyen 2. Akta 327.

(a) dalam takrif "aktiviti digalakkan" dengan menggantikan perkataan "atau 4B" dengan perkataan ", 4B atau 5(1A)";

(b) dalam takrif "keluaran digalakkan" dengan menggantikan perkataan "atau 4B" dengan perkataan ", 4B atau 5(1A)";

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "pihak berkuasa tertakrif" takrif yang berikut:

' "program rantaian industri" ertinya suatu program bersepadu yang diusahakan oleh sesuatu Kementerian atau agensi kerajaan yang dalamnya suatu syarikat kecil atau syarikat sederhana yang menjadi pengilang dan pembekal dihubungkan kepada suatu syarikat yang lebih besar atau kepada suatu syarikat kecil atau syarikat sederhana yang lain melalui pengilangan dan pembekalan bahagian dan komponen atau melalui teknologi atau penyelidikan dan kemajuan;';

- (d) dengan menggantikan takrif "syarikat berkaitan" dengan takrif yang berikut:

' "syarikat berkaitan", berhubungan dengan sesuatu syarikat, ertinya suatu syarikat—

- (a) yang pengendaliannya dikawal atau boleh dikawal, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, oleh syarikat yang mula-mula disebut;
- (b) yang mengawal atau boleh mengawal, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, pengendalian syarikat yang mula-mula disebut; atau
- (c) yang pengendaliannya dikawal atau boleh dikawal, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, oleh seseorang atau orang-orang yang mengawal atau boleh mengawal, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, pengendalian syarikat yang mula-mula disebut:

Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat hendaklah disifatkan sebagai suatu syarikat berkaitan kepada suatu syarikat lain jika—

(aa) sekurang-kurangnya dua puluh peratus daripada modal syer diterbitkannya dimiliki secara benefisial, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, oleh syarikat yang lain itu; atau

(bb) sekurang-kurangnya dua puluh peratus daripada modal syer diterbitkan syarikat yang lain itu dimiliki secara benefisial, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, oleh syarikat yang mula-mula disebut;'; dan

(e) dalam takrif "syarikat kecil-kecilan" dengan menggantikan perkataan ' "syarikat kecil-kecilan" ' dengan perkataan ' "syarikat kecil" atau "syarikat sederhana" '.

3. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 5.

(a) dalam subseksyen (!A)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "keluaran" yang mula-mula terdapat dalam subseksyen itu perkataan "yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia"; dan

(ii) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen itu dengan noktah bertindih dan dengan memasukkan selepas itu proviso yang berikut:

"Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia bolehlah, jika ia memenuhi apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, membuat permohonan bertulis kepada Menteri bagi mendapat taraf perintis."; dan

- (b) dalam perenggan (1)(a) dengan memasukkan selepas perkataan "memuncul" perkataan ", atau mana-mana syarikat yang menyertai dalam suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri,".

Pindaan  
seksyen 6.

4. Subseksyen 6(1A) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "kecil-kecilan" di mana-mana jua terdapat dalam subseksyen itu dengan perkataan "kecil".

Pindaan  
seksyen 21c.

5. Seksyen 21c Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (2)(b) dengan noktah bertindih dan dengan memasukkan selepas itu proviso yang berikut kepada subseksyen (2):

"Dengan syarat bahawa dalam hal suatu syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia, pendapatan syarikat itu bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya ialah pendapatan nilai tambahan syarikat itu."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) "pendapatan nilai tambahan" ertinya pendapatan statutori bagi tempoh asas bagi tahun taksiran tolak pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi; dan

- (b) "pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi" hendaklah ditentukan mengikut formula—

- (i) untuk tahun pertama, dari hari pengeluaran:

$$A (1+B)$$

di mana:

A ialah pendapatan statutori purata untuk sehingga tiga tahun sebelum hari pengeluaran; dan

B ialah kadar inflasi untuk tahun asas;

(ii) untuk tahun kedua, dari hari pengeluaran dan kemudiannya:

C (1+B)

di mana:

C ialah pendapatan yang dilaraskan mengikut inflasi untuk tahun yang sebelumnya; dan

B ialah kadar inflasi untuk tahun asas."

6. Seksyen 21F Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 21F.

(a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "tinggi" perkataan "atau syarikat yang menyertai dalam program rangkaian industri"; dan

(b) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "tinggi" perkataan "atau suatu syarikat yang menyertai dalam suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rangkaian industri".

7. Subseksyen 26A(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen itu dengan noktah bertindih dan dengan memasukkan selepas itu proviso yang berikut:

Pindaan  
seksyen 26A.

"Dengan syarat bahawa suatu syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia boleh, jika ia memenuhi apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk mendapat kelulusan bagi maksud suatu elaan cukai pelaburan."

Pindaan  
seksyen 26B.

8. Seksyen 26F Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam nota birai dengan memasukkan selepas perkataan "tinggi" perkataan "atau syarikat yang menyertai dalam program rantaian industri"; dan
- (b) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "memuncul" perkataan "atau mana-mana syarikat yang menyertai dalam suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri".

Pindaan  
seksyen 29A.

9. Seksyen 29A Akta ibu adalah dipinda dalam subperenggan (3)(d)(ii) dengan menggantikan perkataan "27" yang mula-mula terdapat dalam subperenggan itu dengan perkataan "26(1)".

Pindaan  
seksyen 29s.

10. Seksyen 29B Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

" (2A) Walau apa pun subseksyen (2), perbelanjaan yang dilakukan sebelum pemberian kelulusan berdasarkan kepada suatu permohonan yang dibuat di bawah proviso kepada seksyen 26A(1) tidak boleh disifatkan sebagai telah dilakukan dalam tempoh asas kelulusan itu mula berkuatkuasa sama ada atau tidak aset yang diperolehi daripada perbelanjaan itu kemudiannya dimiliki oleh syarikat yang sama atau suatu entiti baru."

Pindaan  
seksyen 29c.

11. Seksyen 29G Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dengan memasukkan selepas perkataan "memuncur" perkataan "atau berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri"; dan
- (b) dalam subseksyen (2) dengan memasukkan selepas perkataan "memuncul" dalam proviso kepada subseksyen itu perkataan "atau berkenaan

## *Penggalakan Pelaburan (Pindaan)*<sup>7</sup>

dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri".

12. Subseksyen 41B(1) Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan (a) proviso kepada subseksyen itu. Pindaan seksyen 41B.

---

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 2* bertujuan memasukkan suatu takrif baru ke dalam Akta dan meminda takrif istilah tertentu dalam Akta.
4. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 5(1A) Akta untuk membenarkan mana-mana syarikat atau ofang, yang bercadang untuk menubuhkan atau menyertai suatu aktiviti atau menyertai pengeluaran suatu keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia, untuk memohon bagi mendapat taraf perintis. Suatu proviso baru kepada subseksyen 5(1A) Akta dimasukkan untuk membenarkan suatu syarikat, yang sedang beroperasi di Malaysia dan yang menyertai suatu aktiviti atau pengeluaran suatu keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia, untuk memohon bagi mendapat taraf perintis jika syarikat itu memenuhi apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri. *Fasal* ini juga bertujuan meminda perenggan 5(1D)(a) Akta untuk membenarkan suatu syarikat yang menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri untuk memohon bagi mendapat taraf perintis.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 21c(2) Akta untuk memasukkan suatu proviso kepada perenggan (b) subseksyen itu yang mengadakan peruntukan bagi penghitungan pendapatan sesuatu syarikat yang sudah beroperasi di Malaysia untuk setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya. Suatu subseksyen baru, iaitu subseksyen (2A), dimasukkan ke dalam seksyen 21c Akta yang mengadakan peruntukan bagi takrif istilah "pendapatan nilai tambahan" dan penentuan "pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi".
6. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen 21F(1) Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penghitungan pendapatan sesuatu syarikat perintis yang menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri.

1. *Fasal 7* bertujuan meminda subseksyen 26A(1) Akta untuk memasukkan suatu proviso kepada subseksyen itu untuk membenarkan suatu syarikat, yang sedang beroperasi di Malaysia dan yang menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan, untuk memohon kelulusan bagi maksud mendapat suatu elaun cukai pelaburan jika ia memenuhi apa-apa syarat sebagaimana ditentukan oleh Menteri.

8. *Fasal 8* bertujuan meminda subseksyen 26F(1) Akta untuk membenarkan suatu syarikat yang menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri untuk memohon kelulusan bagi maksud mendapat suatu elaun cukai pelaburan.

9. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 29B Akta untuk memasukkan suatu subseksyen baru, iaitu subseksyen (2A), yang mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan bagi sesuatu syarikat yang sudah beroperasi di Malaysia.

10. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 29G Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penghitungan elaun cukai pelaburan bagi sesuatu syarikat yang menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam suatu program rantaian industri.

11. *Fasal 12* bertujuan meminda subseksyen 41B(1) Akta dengan memotong perenggan (a) proviso kepadanya untuk memberikan liputan yang lebih luas kepada istilah "perbelanjaan modal" bagi maksud menentukan elaun infrastruktur yang akan diberikan kepada sesuatu syarikat.

12. Pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan kecil atau yang berbangkit.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1996.]